

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

KERATAN: Harian Express

SAB-A0444/12

TARIKH:

M/S:

21/03/2012  
(9)

# Bertutur dalam bahasa

EMASA perhimpunan agung ke-12 Persatuan Kebudayaan Kadazandusun Sabah (KDCA), saya rasa mesej terpenting yang dipesan oleh Huguan Siou, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan ialah seruan beliau supaya masyarakat Kadazandusun dan Murut (KDM) menggunakan bahasa ibunda di rumah apabila bertutur di antara satu sama lain atau apabila ibu bapa bercakap dengan anak-anak mereka.

Ini bukan kali pertama Pairin membuat seruan itu tetapi kali ini ianya begitu ketara. Kerana dalam ucapannya semasa menutup persidangan itu, beliau juga menyentuh dua lagi dasar penting yang akan dilaksanakan serta dipromosikan oleh KDCA – yakni pembentukan sebuah universiti Kadazandusun di Tambunan dan juga pembentukan koperasi KDCA. Ketiga-tiga seruan itu saya rasakan sangat penting.

Ita menunjukkan bahawa KDCA, setelah ditubuhkan sejak tahun 1987, kini sekali lagi bersiap sedia untuk membuat sesuatu bagi menangani kehendak dan keperluan masyarakat itu.

Gesaan untuk menubuhkan Universiti Kadazandusun di Tambunan sesungguhnya adalah sesuatu yang dinanti-nantikan dan tepat pada masanya. Seperti yang dinyatakan oleh Pairin dalam ucapannya, KDM merupakan satu kumpulan minoriti di negara kita, tetapi dalam konteks Sabah ia merupakan satu-satunya kaum yang terbesar.

Bahawa kerajaan Negeri dan Persekutuan telah memberi persetujuan mereka untuk mendirikan universiti tersebut merupakan satu lagi contoh sikap penyayang Kerajaan BN – di Sabah dan Persekutuan – terhadap rakyat, satu komitmen kepada rakyat berbilang kaum dan negara.

Sejak Datuk Seri Musa Hj Aman mengambil alih tampuk kepimpinan, Kerajaan BN di Sabah, wujud satu langkah yang signifikan untuk merealisasikan hasrat rakyat semua kaum di negeri ini – baik Muslim, Kristian, Buddha dan sebagainya atau Bajau, Suluk, Kadazandusun, atau Cina – semua telah diberi bahagian khas dalam pelan pembangunan Sabah. Dan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, tempoh beliau sebagai pemimpin nombor satu negara ini disulami dengan keprihatinan terhadap keperluan rakyat Sabah keseluruhannya.



Penubuhan Universiti Kadazandusun adalah salah satu dari padanya. Masyarakat KDM akan terutang budi kepada Najib selama-lamanya dan juga kepada Musa kerana telah memberi sokongan moral kepada projek ini dan juga kepada Pairin kerana memulakan projek itu.

Pembentukan universiti berkenaan masih lagi dalam proses pelaksanaan dan kerja pembinaan kompleks tersebut masih lagi di peringkat awal tetapi satu janji telah dibuat dan saya pasti bahawa universiti yang mengambil nama sempena masyarakat KDM itu akan menjadi kenyataan tidak lama lagi.

Justeru, gesaan Pairin yang kedua kepada masyarakat KDM untuk menggunakan dan bertutur dalam bahasa ibunda telah menjadi lebih ketara dan segera. Kita semua tahu bahawa kita telah kehilangan satu generasi muda KDM yang boleh bertutur dalam bahasa ibunda mereka.

Sebenarnya yang harus disalahkan ialah kita sebagai ibu bapa tetapi seperti dikatakan Pairin bahawa masih belum terlambat untuk membetulkan keadaan. Gesaan beliau ialah agar masyarakat itu berbangga dan memberi penghormatan kepada bahasa itu sekali lagi supaya ia tidak dilupakan.

Masyarakat Kadazandusun merangkumi banyak suku kaum atau kumpulan dan semua memiliki loghatnya sendiri. Tetapi mereka bertutur bahasa yang sama, apa yang berbeza ialah loghat. Tiada sebab mengapa setiap suku tidak harus menggunakan atau bertutur dalam loghat mereka apabila bertutur sesama sendiri atau berbicara dengan anak-anak mereka di rumah.

## ibunda

Saya telah menghadiri satu upacara pengebumian di sebuah kampung di Tambunan baru-baru ini. Saya hairan, tetapi tidak terkejut, bahawa bahasa yang digunakan oleh orang-orang di situ apabila mereka bertutur di antara satu sama lain ialah Bahasa Malaysia oleh kebanyakan wanita dan Inggeris oleh kebanyakan lelaki. Dan semua mereka adalah Kadazandusun dari suku yang sama – Liwan.

Sedikit loghat Liwan kegendaran tetapi kebanyakan daripada mereka lebih suka bertutur dalam Bahasa Malaysia. Mungkin sebabnya ialah bahawa mereka tidak dapat memberi penjelasan sepenuhnya dalam bahasa ibunda mereka – Liwan. Kebanyakan orang yang hadir waktu itu berumur antara 40an dan 50an. Juga ada yang

*Prof Margaret  
telah menulis  
dalam artikel  
"Kebangkitan  
dan kematian  
Kadazanisme",  
bahawa kematian  
itu berlaku pada  
Disember 1967.*

lebih muda, dalam lingkungan 20an dan kanak-kanak. Orang muda ini semua tidak dapat bertutur dalam bahasa ibunda mereka.

Suatu hari nanti, mungkin pihak tertentu dari universiti ingin mengkaji serta menganalisa kekurangan penggunaan serta kepentingan bahasa Kadazandusun – bahasa ibunda mereka. Buat sementara waktu, biar saya memberi analisa saya sendiri secara ringkas.

Mereka yang dilahirkan dalam lewat 60an dan awal 70an merupakan yang paling mudah dipengaruhi: mereka merupakan generasi yang tidak mempunyai kebanggaan dalam bahasa mereka sendiri dan tiada perasaan apa yang kami semasa lewat 1950an rasai begitu kuat masa itu: semangat Kadazanisme.

Orang-orang Kadazandusun 1950an, diketuai kumpulan Kadazan dari Penampang, telah membentuk sebuah persatuan, satu masyarakat untuk mereka sendiri yang dipanggil Kadazan Society – mula-mula di Penampang sebelum berkembang ke bandar-bandar besar seperti Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Kudat malah di Seria, Brunei.

Kebangkitan untuk budaya, adat resam dan bahasa telah mencapai kemuncak dalam pembentukan Kadazan Society di Penampang. Persatuan ini telah didaftarkan pada 1954.

Kebangkitan semangat Kadazanisme itu mula muncul dalam 1950an semasa Sabah masih berada di bawah jajahan Bristih. Seperti yang ditulis oleh Profesor Margaret dalam bukunya "Politics of Belonging", kebangkitan semangat Kadazanisme itu juga telah sampai di kemuncak

dengan penubuhan parti politik yang pertama, The United National Kadazan Organisation (Unko) diketuai oleh Allahyarham Tun Fuad Stephens. Unko kemudian telah bergabung dengan Pasok Momogun (PM), sebuah parti pecahan dari Unko yang ditubuhkan oleh pemimpin-pemimpin Keningau, diketuai oleh mendiang Datuk Sundang, yang dinamakan United Pasok Momogun Kadazan Organisation (Upko).

Gabungan itu dibentuk pada April 1964. Pembentukan parti Upko mungkin mewakili kemuncak semangat Kadazanisme di Negara ini. Ketika itu saya telah merasai perasaan kurang senang hati di kalangan pemimpin-pemimpin Persekutuan, diketuai para pemimpin Umno, atau pemimpin Melayu.

Saya fikir ketika itu wujud kerisauan "rekaan" di kalangan mereka bahawa kebangkitan semangat Kadazanisme ini boleh disamakan dengan kebangkitan "nasionalisme" di kalangan kaum Karen dan Kachin di Burma. Kaum-kaum kecil di utara Burma telah mengisyiharkan perang terhadap kaum utama serta kerajaan Burma untuk cuba mendirikan negeri merdeka mereka.

Bagaimanapun, dalam persaingan untuk keagungan politik di Sabah, di antara Tun Fuad Stephens serta parti Kadazandusunnya, Upko (yang majoriti ahlinya terdiri dari penganut Kristian dan pagan) dan Tun Datu Mustapha serta partinya Usno (majoriti orang Islam), Upko telah tewas dan menjelang Disember 1967, pemimpin-pemimpin Upko telah "menyerah kalah" dan parti itu dibubarkan.

Wakil-wakil Rakyat Upko yang dipilih serta ahli-ahli majlis tertinggi parti itu telah diminta untuk menulis surat "maaf" kepada pemimpin Usno sambil ahli-ahli Upko menyertai Usno secara beramai-ramai.

Kejatuhan parti Upko dianggap sebagai detik permulaan di mana Kadazandusun hilang kebanggaan dengan bahasa mereka. Sesungguhnya, Prof Margaret telah menulis dalam artikel "Kebangkitan dan kematian Kadazanisme", bahawa kematian itu berlaku pada Disember 1967.

Ianya juga merupakan permulaan pengurangan kegunaan bahasa itu, bahasa ibunda masyarakat Kadazandusun, supaya hari ini, mereka yang dilahirkan dalam 1970an dan kemudian tidak pandai bertutur dalam bahasa ibunda mereka sendiri.

Wujud keperluan untuk menghidupkan semula kebanggaan untuk bahasa ibunda, tetapi bukan dalam erti kata Kadazanisme yang sempit seperti dulu. Semangat

kebangkitan ini boleh disalah anggap oleh pihak lain, lebih-lebih lagi para pemimpin Persekutuan. Di Malaysia, tidak ada ruang untuk kebangkitan seperti yang dialami oleh Burma (kini Myanmar) iaitu kebangkitan suku kaum Karen atau Kachin.

Usaha menghidupkan semula penggunaan bahasa Kadazandusun di rumah dianggap perlu demi survival masyarakat itu. Ini adalah untuk mengelakkan bangsa Kadazandusun hilang dari bumi suatu hari kelak. Mereka merupakan sebahagian daripada sumber manusia Negara kita, di samping kaum-kaum lain seperti Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya. Semua mereka ini merupakan harta Negara. Negara kita memerlukan mereka dan sebagai sebuah masyarakat, kaum Kadazandusun juga memerlukan Negara kita untuk menjaga serta memelihara mereka.

Gesaan oleh Huguan Siou supaya masyarakat ini kembali ke asas dan mula bertutur dalam bahasa ibunda mereka tepat pada masanya. Dan penubuhan universiti yang mengambil sempena nama mereka juga tepat pada masanya serta sesuatu yang telah lama dinanti-nantikan oleh masyarakat itu sendiri.

Dengan itu, kini saya hanya perlu membincangkan satu lagi gesaan oleh Pairin; dan ianya adalah untuk menubuhkan usaha perniagaan seperti sebuah koperasi di bawah bimbingan KDCA. Saya akan membincangkan perkara ini dalam penulisan saya seterusnya.

Sementara itu, tahniah kepada Pairin kerana telah dipilih semula tanpa bertanding sebagai Presiden KDCA bagi 36 tahun berturut-turut dan juga kepada dua orang Timbalannya, Datuk Seri Panglima Clarence Bongkos Malakun dan Datuk Seri Panglima Dr Maximus Ongkili di mana kedua-dua mereka juga dipilih tanpa bertanding, dan sudah tentu semua mereka yang dipilih untuk merajui KDCA selama tiga tahun lagi.

Saya merasa begitu sunyi kerana duduk hampir seorang diri mendengar dan menonton Huguan Siou serta pemimpin KDCA yang lain berada di atas pentas.

Saya rindukan sahabat saya Tan Sri Suffian Koroh, juga Tan Sri Ghani Gilong, Tan Sri Richard Lind dan Tan Sri Thomas Jayasuriya.

Saya difahamkan bahawa Toh Puan Rahimah, isteri kepada Huguan Siou pertama Tun Fuad, tiada di Sabah ketika itu dan justeru tidak dapat hadir.

Dan akhir sekali, ada yang bertanya tidakkah masanya sudah tiba bagi satu kumpulan atau majlis penatua (Council of Elders) untuk KDCA yang dilantik oleh Huguan Siou setiap tiga tahun.

Memang pernah ada sebuah majlis penatua selaku institusi kedua selepas institusi Orang Tua di masa-masa yang lalu.